


## KAJIAN TEMPATAN

### LATIHAN 5.1

#### SOALAN 1

Dalam proses pengajaran terdapat beberapa komponen yang perlu anda tumpukan. Apakah komponen-komponen tersebut ?

Proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan tiga komponen penting iaitu perancangan, penyampaian dan penilaian. Untuk melihat ketiga-tiga komponen ini, lihat rajah di bawah.



## **1. PERINGKAT PERANCANGAN**

### ***a) Penentuan Tajuk Dan Isi Pelajaran***

Untuk tajuk dan isi pelajaran, guru perlu merujuk kepada sukatan pelajaran dan skop perancangan mengikut semester. Guru perlu bijak menyusun bahan dan mengendalikan penyampaiannya mengikut komponen dengan jelas. Dengan adanya pemeringkatan isi, ini boleh membantu guru menyusun strategi dan memilih kaedah dan teknik yang sesuai. Murid akan lebih mudah mengikut dan memahami apa yang dipelajari dan ini membantu mereka membuat perkaitan antara prinsip dan konsep.

### ***b) Penentuan Pengetahuan Sedia Ada***

Pengetahuan sedia ada dalam Pengajaran dan Pembelajaran mengandaikan persepsi dan kefahaman yang sedia ada di kalangan murid. Aspek persepsi dan kefahaman ini bergantung kepada faktor kematangan dan faktor pengalaman mereka. Pembelajaran mereka akan lebih bermakna apabila mereka belajar berasaskan pengalaman dan ini boleh mengurangkan kesulitan dalam proses pengajaran.

### ***c) Penentuan Hasil Pembelajaran/ Objektif***

Untuk sesi pengajaran, guru perlu jelas dengan hasil pembelajaran dan objektif yang guru ingin capai. Hasil pembelajaran ini hendaklah ditulis berdasarkan kemahiran, kecekapan atau pengetahuan yang perlu dikuasai oleh murid. Pernyataan hasil pembelajaran hendaklah tepat dan boleh diukur pencapaiannya di kalangan murid. Berdasarkan hasil pembelajaran dan objektif yang eksplisit sebegini akan memudahkan guru untuk merancang aktiviti dan menyediakan bahan dan sumber bantu mengajar.

## **2. PERINGKAT PENYAMPAIAN**

### ***a) Penentuan Strategi Pengajaran Pembelajaran dan Peruntukan Masa***

Pemilihan strategi pengajaran pembelajaran haruslah berlandaskan pengukuran minat murid secara berterusan. Guru harus merancang untuk melibatkan murid dalam aktiviti secara langsung melalui pendekatan dan strategi. Di sinilah unsur pendekatan bersepadu dalam pembelajaran digunakan secara optima untuk memastikan murid belajar melalui pelbagai gaya

mengikut keupayaan dan bakat mereka. Pelaksanaan aktiviti untuk menyempurnakan pendekatan dan strategi ini diagihkan mengikut masa dan ruang yang diatur. Ini untuk memastikan guru peka dengan segala persediaan guru sendiri dan dengan itu tidak mengganggu guru lain yang akan masuk ke kelas yang sama selepas masa guru tamat. Walau bagaimanapun, cara guru membahagikan masa adalah mengikut kesesuaian dan bergantung kepada pengalaman dan situasi kelas sendiri.

#### ***b) Pemeringkatan Isi dan Perkembangan***

Pemeringkatan isi biasanya disusun dari yang senang ke susah, dari dalam pengalaman ke luar pengalaman murid dan dari konkrit kepada yang lebih abstrak. Perkembangan pelajaran pula menentukan sama ada prestasi guru dalam kelas menarik dan aktif atau kaku serta membosankan. Jika pelaksanaan pengajaran guru terlampau laju, murid mungkin sukar untuk menangkap apa yang ingin disampaikan. Sebaliknya jikalau guru terlalu perlahan murid akan hilang minat pula.

#### ***c) Motivasi***

Guru perlu pandai untuk mengekalkan minat murid di sepanjang pengajaran dan pembelajaran. Sebab itulah kaedah dan teknik yang guru gunakan perlu menimbulkan perhatian pelajar dan merangsang mereka untuk mengambil bahagian sepenuhnya. Segala pengetahuan dan kemahiran lampau mereka harus digunakan sebaik yang mungkin untuk mengaitkan pembelajaran semasa. Dalam masa yang sama, guru harus ikhlas dan adil apabila berinteraksi dengan murid dan tidak mengamalkan pilih kasih di antara yang berkebolehan dan yang rendah pencapaiannya.

#### ***d) Kemahiran Menerang***

Memberi penerangan tidak bermakna guru menjadi tukang cerita sepanjang pengajaran. Menerang ada kalanya perlu untuk tujuan memberi kefahaman, huraian dan penaakulan. Ini boleh dilakukan dengan memberi penjelasan dengan kemas dan lancar dengan menggunakan sebutan, intonasi dan jeda yang mudah dikesan murid. Penerangan juga mesti ada urutan dan kalau perlu, gunakan ilustrasi seperti pengurusan grafik dan sumber yang menarik.

#### ***e) Bahasa dan Suara***

Seboleh-bolehnya guru menggunakan bahasa yang mudah difahami, dan elakkan sama sekali menggunakan loghat daerah, lebih-lebih lagi apabila anda mengajar tajuk berkaitan

perihal setempat. Dalam masa yang sama penuturan guru haruslah bersopan dan elakkan menggunakan perkataan yang negatif dan sensitif dari segi motivasi, budaya dan kepercayaan. Guru harus juga ingat untuk menguatkan suara dalam kadar berpatutan supaya dapat didengari oleh semua murid dalam kelas.

#### ***f) Peneguhan***

Kata-kata peneguhan yang berupa pujian dan pengharapan boleh mengubah tingkah laku murid ke arah lebih positif. Murid akan lebih berminat dalam kelas, suka mengambil bahagian dalam aktiviti, bersemangat untuk meningkatkan pencapaian dan memperbaiki disiplin diri jika guru memberikan kata-kata seperti “baik”, “ bagus” dan “cuba lagi” di tempat yang sesuai. Selain itu, gunakanlah gerak-geri atau isyarat yang difahami untuk tujuan peneguhan ini. Contoh gerak-geri atau isyarat ialah mengangguk, menggeleng kepala, senyum dan membuat kontak mata.

#### ***g) Sumber***

Penggunaan sumber yang sesuai dan menarik akan membantu guru menerangkan konsep dan prinsip dengan lebih baik. Sumber yang digunakan harus berfungsi, sepadan dari segi bentuk dan saiz dengan bilangan murid dalam kelas, serta tidak kompleks cara penggunaannya (jika murid yang menyenggarakannya).

#### ***h) Pengurusan Kelas***

Pengurusan kelas termasuk aspek fizikal dan kawalan pelaksanaan proses pembelajaran secara keseluruhan. Dari aspek fizikal, guru perlu melihat kesediaan kelas dari segi kebersihan dan peredaran udara serta cahaya. Suasana kelas yang panas akan menimbulkan ketidakselesaan murid akan mengurangkan tumpuan mereka. Beri perhatian juga kepada murid yang kurang pendengaran dan penglihatan supaya mereka tidak terpinggir.

#### ***i) Personaliti Guru***

Guru perlu menunjukkan kewibawaan dari segi ilmu pengetahuan, kreativiti dan watak. Selain dari mempunyai ilmu meluas dalam matapelajaran yang diajar, guru diharapkan mempunyai pengetahuan dalam psikologi, sosiologi, pedagogi dan bijak menggunakan dan menggabungkan ilmu-ilmu ini di dalam pengajaran guru.

### **3. PERINGKAT PENILAIAN**

Penilaian menentukan setakat mana hasil pembelajaran telah dicapai. Usaha untuk menilai tahap pengetahuan dan kefahaman serta perubahan tingkah-laku boleh dilakukan melalui lisan, penulisan atau aktiviti. Pengujian boleh diadakan melalui pelbagai bentuk soalan, kuiz atau latihan amali. Maklumat dari pengujian ini bolehlah digunakan untuk membuat analisis tentang kelemahan atau kekuatan pembelajaran murid dan membantu guru merancang untuk meninjau semula hasil pembelajaran yang telah dipilih, kesesuaian strategi pengajaran dan bahan yang digunakan